

07/09/1999

KEB-4 ke arah memperkukuh agenda masa depan Bumiputera

Bakhari Ariff

TAMADUN berasaskan batu di pusat pentadbiran kerajaan di Putrajaya boleh menjadi titik-tolak kemajuan pada alaf akan datang, berbanding tamadun Bumiputera sebelum ini yang berasaskan kayu - mudah reput dan tak tahan lama.

Berbanding tamadun batu Barat dan Eropah yang sudah lama bermula, tamadun negara ini akan lebih cemerlang pada masa depan jika ada rakyat dan pemimpin setiap hari merenung akan kaedah untuk memajukan bangsa dan negara.

Kejayaan mewujudkan pentadbiran baru di Putrajaya menjadi lambang tamadun Melayu dengan wujudnya Masjid Putra, menggantikan tamadun lama di Kuala Lumpur yang dibangunkan oleh Yap Ah Loy.

Keyakinan terhadap diri sendiri yang dibuktikan melalui beberapa cubaan, biasanya boleh menjadi titik permulaan kepada kejayaan seterusnya apabila niat, kesungguhan dan kerajinan bergabung bagi menghasilkan kejayaan lebih hebat.

Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berusia hampir tiga dekad sudah mengubah banyak struktur masyarakat negara ini. Penjajah yang tentunya tidak ada semangat kemanusiaan, pada mulanya mahu Melayu dan Bumiputera hanya berada di pedalaman.

Bagaimanapun, kebijaksanaan pemimpin lalu melancarkan DEB membolehkan Bumiputera menentukan sendiri agenda pembangunannya, tanpa mengganggu kemajuan kaum lain.

DEB dan pewarisnya Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bermula 1991 perlu dinilai kembali untuk melihat sejauh mana keberkesanan terhadap kemajuan Bumiputera. Apakah Bumiputera sekarang sudah boleh bersaing dengan kaum lain dalam bidang pendidikan dan perniagaan?

Sehubungan itu, Kongres Ekonomi Bumiputera keempat (KEB-4) anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) pada Jumaat dan Sabtu ini adalah antara usaha menyemak kejayaan lalu untuk memperkukuh agenda Bumiputera pada masa depan.

Menariknya kongres kali ini kerana ia menilai pencapaian ekonomi Bumiputera sejak pelaksanaan DEB (1970-1990) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN). KEB-4 adalah lanjutan kepada KEB-3 pada 1992, KEB-2 (1968) dan KEB-1 (1965).

KEB-4 pula bertepatan dengan usaha kerajaan merangka Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) dan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga yang bermula tahun 2000, selain memberi input kepada Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II).

Kongres itu yang akan berlangsung di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) akan dirasmikan oleh Perdana Menteri. Satu sesi dialog bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut diadakan bagi memberi peluang usahawan Bumiputera mengemukakan pandangan serta masalah secara telus dan terbuka.

Pada hari Sabtu pula, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mempengerusikan sidang pleno bagi pembentangan dan perakuan bengkak dan seterusnya menutup kongres berkenaan.

Oleh sebab tulang belakang kerajaan sekarang adalah Umno yang didokong majoriti Melayu, kerajaan mengambil serius segala ketetapan kongres.

Majlis Amanah Rakyat (Mara), misalnya, ditubuhkan berikutan KEB-1. Mara yang menggantikan Rida (Perbadanan Pembangunan Industri dan Luar Bandar), bertujuan menggerakkan masyarakat Melayu dan Bumiputera dalam bidang

perdagangan dan perindustrian supaya seimbang dengan kaum lain di negara ini.

Bank Bumiputra Malaysia Berhad (BBMB) pula muncul selepas KEB-2 bagi membantu peniaga terutamanya Bumiputera mendapatkan modal untuk memajukan perniagaan.

Kerana keperluan mendesak tenaga pekerja yang mahir dalam rangka mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB), KEB-3 mencadangkan supaya Majlis Pembangunan Sumber Manusia diwujudkan.

Bagaimanapun, keberkesanan majlis itu yang diletakkan di bawah Kementerian Sumber Manusia barangkali perlu dinilai kembali dan majlis itu wajar diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, selaras dengan niat penubuhan majlis berkenaan.

Apakah pula agaknya ketetapan yang boleh dicadangkan oleh KEB-4 kepada kerajaan bagi pelan tindakan agenda Bumiputera pada alaf akan datang? Meskipun KEB-4 hanya dua hari, peserta yang terdiri daripada usahawan dan profesional yang sudah matang dalam iklim perniagaan di negara ini, tentu boleh mengungkapkan cabaran yang dihadapi sekarang.

Peserta akan dibahagikan kepada tujuh kumpulan bagi membincang dan menerbitkan formula baru bagi memperbanyakkan bilangan usahawan yang berani dan tangkas, serta boleh bersaing dengan rakan usahawan bukan Bumiputera.

- * Kumpulan pertama akan membincangkan usaha memantapkan pembabitan Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Kumpulan ini akan dipengerusikan oleh Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Tan Sri Tajudin Ramli manakala kertas kerjanya dibentang oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Bhd, Tan Sri Khalid Ibrahim.

- * Prof Datuk Mohd Salleh Din, Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) akan membentangkan kertas kerja kedua yang membincangkan pembangunan pendidikan dan guna tenaga bagi memenuhi keperluan agenda Bumiputera. Kumpulan kedua ini akan dipengerusikan oleh Pengerusi Mara, Ruhanie Ahmad.

- * Kumpulan ketiga membincangkan pembabitan Bumiputera dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Kumpulan yang dipengerusikan oleh Senator Datuk Ghazi Ramli akan disampaikan oleh Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

- * Kumpulan keempat yang dipengerusikan oleh Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman akan menghalusi pembabitan Bumiputera dalam teknologi tinggi yang akan disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi teknologi Tinggi Malaysia (Might), Dr Ahmad Tasir Lope Pihie.

- * Kumpulan kelima membincangkan peranan agensi amanah dan syarikat kerajaan dalam menghadapi cabaran masa depan. Ia akan dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif Perbadanan Johor, Datuk Mohd Ali Hashim manakala Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd, Hamad Kama Piah Che Othman akan menyampaikan ucapannya.

- * Kumpulan keenam pula mengesan dan mengenal pasti peranan institusi kewangan dalam mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Kumpulan ini akan dipimpin oleh Penolong Gabenor Bank Negara, Dr Awang Adek Hussin manakala Pengarah Eksekutif Malayan banking Bhd, Datuk Ismail Shahudin akan menyampaikan kertas kerjanya.

- * Kumpulan terakhir yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim), Datuk Dr Ismail Ibrahim akan membincangkan tajuk penerapan nilai budaya dan agama ke arah membina insan Bumiputera yang berdaya saing.

Pembentang bagi bahagian budaya oleh Ketua Satu Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Tan Sri Prof Emeritus Datuk Dr Ismail Hussein manakala bahagian agama pula akan disentuh oleh Timbalan Presiden Hal Ehwal Pelajar

dan Akademik Universiti Tun Abdul Razak (Unitar), Prof Dr Syed Abdul Hamid Aljunid.

Selain itu, dua kertas kerja akan dibentangkan. Pembentangan kertas kerja pertama yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Idris Jusoh dengan tajuk 'Pencapaian Bumiputera Dalam Bidang Ekonomi'. Kertas kerja itu disampaikan oleh Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk Dr Samsudin Hitam.

Kertas kerja kedua bertajuk 'Pencapaian Bumiputera Dalam Bidang Pendidikan' akan disampaikan oleh Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Bhd, Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid Mohd Nordin.

Kongres kali ini yang dibuat dalam iklim sambutan kemerdekaan, juga boleh memberi keyakinan baru kepada Bumiputera untuk menentukan acuan agendanya sendiri. Dengan demikian, keyakinan diri yang cuba dihapuskan penjajah bersinar kembali.

Dinding psikologi yang menghalang kemajuan orang Melayu menghadapi cabaran sudah dihapuskan melalui bukti kejayaan menganjurkan Sukan Komanwel, pelayaran seorang pemuda Melayu secara solo mengelilingi planet bumi dan kejayaan menjejakkan kaki di kutub utara. Malaysia boleh.

Bagaimanapun, peradaban Melayu tidak akan lengkap jika tidak ada seseorang yang mampu menghasilkan ciptaan atau karya saintifik untuk dinikmati oleh seluruh sejagat seperti yang pernah dilakukan oleh Alexander Graham Bell dalam mereka telefon (1876). Malaysia masih menunggu pemenang hadiah Nobel sains daripada seorang anak Melayu.

Dr Mahathir boleh dianggap seorang yang konsisten memperjuangkan nasib Melayu dan Bumiputera. Sejarah perjuangan beliau boleh dilihat sejak 1948, apabila beliau menulis dalam Sunday Times mengenai keperluan pendidikan tinggi orang Melayu, walaupun ketika itu masih belum ada universiti di negara ini. Seperti seorang bapa yang mahu melihat anaknya menjadi orang berjaya dengan menyediakan pelbagai kemudahan, infrastruktur dan segala khidmat nasihat, tetapi bapa tentu tidak boleh memastikan kejayaan anak itu melainkan usaha dan kesungguhan si anak berkenaan.

Jika seseorang bapa itu menangis apabila melihat anaknya masih ketinggalan berbanding orang lain, mungkin anak itu terpengaruh dengan fahaman karut, tangisan bapa berkenaan agak munasabah!

(END)